

Warga asing tinggal lebih tempoh sah dipenjara dan diusir

MIRI: Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah tinggal di negeri ini melebihi tempoh sah dibenarkan.

M a h k a m a h t u r u t memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara.

Andar Lasire, 51, dari Sulawesi Selatan, Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 15 (4) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan sekitar jam 8 malam, 25 Mac lalu di sebuah rumah sewa di Long Miri, Baram untuk tujuan pemeriksaan kerana dipercayai warga asing.

Hasil pemeriksaan mendapati tertuduh merupakan warganegara Indonesia dan masih tinggal di negeri ini setelah pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepadanya tamat tempoh.

Berikutan itu, tertuduh kemudian ditahan untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Marvind Kaliyani di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.